

PENDEKATAN KARYA ULAMA TRADISIONAL DI KEDAH: TUMPUAN KEPADA KARYA-KARYA JAWI TUAN GURU HAJI ABU BAKAR PALESTIN, HANAFIAH TAIB AL-QADHI (1908-1998M)

Oleh
Shukri Ahmad

Abstract

The traditional ulama and the Malays have always co-existed in the historical context of the Malay society. This was evident during the sultanate period up to the colonial period when the ulama became catalyst in educating the Malays. The emergence of ulama reformist (Kaum Muda) who were inspired by the Islamic reformist in the Middle East university has challenged the traditional ulama in dominating the way of thinking. This article attempts to analyze the methods and approaches used in literatures by the traditional ulama that so call Kaum Tua with special reference to the work of Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin Hanafiah al-Qadhi (1908-1998).

PENDAHULUAN

Selain Patani, Kelantan dan Terengganu, negeri Kedah merupakan sebuah negeri yang mengeluarkan ramai ulama-ulama pondok pada abad ke-19 dan 20 Masihi. Antara tahun 1850-1935 terdapat sekurang-kurangnya enam puluh orang ulama di Kedah. (Ishak, 1983: 129). Ahmad Abd. Garni telah menyenaraikan sebahagian daripada ulama tersebut mengikut kronologi walaupun masih perlu dikaji lanjut lagi (Abdul Garni, 1976: 115-116). Dari sudut tipologi, para ulama pondok ini sering kali dinamakan sebagai tradisionalis oleh para sarjana bagi membezakan dengan ulama yang dinamakan sebagai reformis atau modenis. Misalannya, sarjana seperti William R. Roff, (1985: 123-129) Thomas F. Willers, (1973: 74-78) Moshe Yegar (1979: 189-205) dan Ibrahim Abu Bakar (1994: 13) membuat ulasan panjang lebar mengenai ulama tradisionalis dan modenis ini. Malah, ulama pondok juga dilabelkan sebagai kaum tua apabila para sarjana menulis sudut sosiopolitik masyarakat Islam pada awal hingga pertengahan abad ke-20. Misalannya, William Roff memberikan pengenalan

ulama pondok ini sebagai kaum tua dengan menyebut kaum tua dan kaum muda sebagai berikut;

“to be Kaum Muda came to mean espousal of modernism in any form; to be Kaum Tua was to be in favour of all that was traditional, unchanging and secure” (Roff, 1985: 123).

Apa pun, sifat paling nyata yang membentuk karakter ulama tradisional ini ialah pada jaringan pengajian tradisional ulama itu sendiri. Dalam kata lain, karakter ulama tradisional ditentukan oleh kedudukan pengajian yang bersifat *‘pengajian umum’* dan juga hubungan ulama tradisional ini dengan wacana intelektual keagamaan yang berpusat di Haramayn, yang dinamakan oleh Azyumardi sebagai jaringan ulama (*networks of the ulama*) yang terdapat di Haramayn. (Azyumardi, 1999: 143).

PENGARUH KEILMUAN AL-HARAMAYN

Makkah dan Madinah yang sering juga disebut Haramayn (dua tanah Haram) merupakan kancah terpenting bagi penglibatan ulama dalam tradisi keilmuan Islam terutama sejak abad ke-15 Masihi lagi. Haramayn adalah pusat intelektual dunia Muslim, di mana ulama, sufi, ahli falsafah, penyair, pengusaha dan sejarawan Muslim bertemu dan saling menukar maklumat dan ilmu pengetahuan. (Azyumardi, 1994: 59).

Pertambahan jumlah madrasah dan *ribat* di Makkah dan Madinah atau disebut al-Haramayn ini telah menjadi pelengkap yang kukuh bagi dunia keilmuan Islam di Tanah Suci. Hubungan para ulama dari pelbagai pelusuk rantau dunia di Haramayn merupakan salah satu jaringan utama keilmuan Islam. Apa yang menarik, pendekatan ulama yang mendapat pendidikan di Haramayn pada abad ke-19 dan 20 Masihi adalah lebih kepada pendekatan saling menyesuaikan. Pendekatan kerjasama di antara fahaman *ahl al-Syari’ah* (fuqāhā’) dan *ahl al-ḥaqīqah* (ṣūfī) mengakibatkan kemunculan para ulama yang menggabung amalan tasawuf-tarekat dengan syariat atau apa yang dinamakan sebagai “neo-sufisme” aliran al-Ghazālī. Menurut Fazlur Rahman, “neo-Sufisme” adalah tasawuf yang telah diperbaharui, cenderung ke arah menghidupkan semula aliran faham aktivis salaf (ortodoks) dan memupuk semula sikap positif terhadap duniawi ini. (Rahman, 1979: 195) Beberapa ciri dan kandungan estetik dan metafizik dihapuskan dan digantikan dengan kandungan yang tidak lain dari dalil-dalil ortodoks Islam. (Rahman, 1979: 193-196, 205-206) Meskipun, Rahman merujuk “neo-Sufisme” kepada gerakan pembaharuan Ibn Taimiyyah (611 H/1263 M-727H/1326 M) dan Ibn Qayyim al-Jawziyyah (751 H/ 1352M), namun tidak janggal jika disebut juga bahawa al-Ghazālī (505/1111) telah terlebih dahulu mengadakan pembaharuan tasawuf dengan cara mendekatkan kerjasama antara *ahl tasawwuf* dan *ahl fiqh*. Al-Ghazālī bahkan turut membuat kecaman terhadap penganut aliran *Wahdat*

Pendekatan Karya Ulama Tradisional: Karya-karya Jawi Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin dll.

al-Wujūd atau aliran penggabungan dengan Tuhan dan menanggapi konsep Tuhan sebagai transenden. Pada beliau dakwaan penyatuan seperti ini dianggap sebagai penghinaan kepada Tuhan. (Faruqi, 1992: 318)¹ Penamaan “neo-sufisme” ini bukan suatu yang janggal lagi apabila Azyumardi Azra dalam tesis kedoktorannya turut menyebut ‘Abd. Samad al-Palimbāngī, Muḥammad Arsyad al-Banjārī, Muḥammad Nafis dan Daud al-Fatānī sebagai pengembang “neo-sufisme” aliran al-Ghazālī di Nusantara. (Azyumardi, 1994: 266)

Perbezaan Neo-Sufisme aliran al-Ghazālī pada abad ini ialah pendekatan kerjasama di antara faham *tasawwuf* dan *fiqh* yang tetap mengambil kira beberapa ciri kandungan estetik dan metafizik namun tidak pula sampai mereka terpengaruh dengan aliran kesufian melampau, menurut faham Ibn ‘Arabi (636/1240) atau al-Ḥallāj (309/922) atau sebaliknya menerima tafsiran metafizik mengikut pendekatan Ibn Taimiyyah dan Muḥammad Ibn ‘Abd al-Wahhāb (1206/1792).²

Pendekatan Syeikh Daud al-Fatānī (1153H./1768M. - 1265H./1847M.) yang berpendidikan al-Haramayn dan menyebarkan pengajaran menerusi karya-karya dan penulisan kitab, menunjukkan kedapatan penggabungan antara pendekatan syariah dan tasawuf, mengikut aliran faham tasawuf al-Ghazālī. (Wan Mohd. Shaghir, 1990: 106) Pengaruh tarekat yang begitu kuat di al-Haramayn ketika itu menyebabkan al-Fatānī juga mengamalkan beberapa buah tarekat termasuk *Syatāriyah* yang beliau sendiri merupakan syeikh *mursyid* bagi tarekat tersebut. (Wan Mohd. Shaghir, 1990: 136).

Demikian juga ‘Abd. Ṣamad al-Palembāngī (1116/1704 (!) - 1203/1789 @ 1244/1828) yang merupakan ulama berpengaruh al-Haramayn adalah antara ulama terkenal

¹ M.M Sharif yang membincangkan doktrin *panteisme* atau ‘*wahdat al-Wujūd*’ mengikut pandangan al-Ghazālī, turut menyebut bahawa al-Ghazālī sendiri menyatakan bahawa identifikasi “*ittihād*” atau penyatuan “*wuṣūl*” atau kedudukan “*ḥulūl*” di dalamNya adalah palsu dan salah. Ahli tasawuf hanya boleh mendakwa berada hampir dengan Tuhan; sekadar itu sahaja. (M.M Sharif, 1994, 623-624)

² Tasawuf Islam terbahagi kepada empat iaitu, *taṣawwuf Sunnī*, tasawuf yang mengaitkan amalan dengan al-Qur’an dan al-Hadis, iaitu pegangan tasawuf yang menggabungkannya dengan amalan syariat seperti pendekatan Abū Ḥamid al-Ghazālī; *taṣawwuf falsafi* ialah tasawuf yang menggabung rasa kesufian dengan pengamatan akal seperti pendekatan Ibn ‘Arabi (550-587H) dan Ibn Sab’in (614-669 H). Ketiganya ialah *taṣawwuf salafi* iaitu tasawuf yang menolak segala konsep *ḥulūl*, *ittihād*, fahaman *wahdat al-wujūd*, *maqamat* dan *aḥwāl* serta memegang amalan tasawuf seperti yang terdapat di dalam al-Qur’an dan Sunnah seperti pendekatan Ibn Taimiyyah dan Ibn Qayyim al-Jauziyah. Tasawuf keempat ialah *taṣawwuf amali* atau tasawuf *aṣḥab al-Ṭuruq* iaitu tasawuf diterapkan oleh pengamal-pengamal tarekat yang mengutamakan amalan-amalan *mujahadat al-nafs* yang berkaitan dengan hubungan antara shaikh dan murid. Lihat (al-Mahdali, 1988, 33)

dan berpengaruh besar di kalangan ulama abad ke-19 dan abad 20 di Tanah Melayu. Wan Mohd. Shaghir memasukkan beliau sebagai sahabat kepada Syeikh Daud Abdullah al-Fatānī di samping Syeikh Muḥammad Arsyād al-Banjārī (1122-1227/1710-1812) iaitu pengarang kitab *Sabīl al-Muhtadīn li al-Tafaqquh fī amr al-Dīn*, sebuah lagi karya utama digunakan di Alam Melayu abad ke-19-hingga abad ke-20 Masihi. (Wan Mohd. Shaghir, 1990: 9) Meskipun ‘Abd. Ṣamad al-Palembāngī mungkin merupakan ulama awal abad ke-19, tetapi karya beliau yang cukup terkenal iaitu *Siyār al-Sālikīn* dan *Hidāyat al-Sālikīn* merupakan karya utama yang menggabungkan pemikiran tasawuf dengan pemikiran syariat yang ditelaah oleh ulama pondok Kedah pada abad ke-19 dan 20. Pendekatan al-Palembāngī ini menunjukkan betapa kuat pengaruh pemikiran tasawuf sunni al-Ghazālī di kalangan ulama tradisional. Penulisan beliau iaitu kitab *Siyār al-Sālikīn* merupakan terjemahan dari kitab *Mukhtaṣar Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* karangan Imām al-Ghazālī, di samping pengambilan dari sumber-sumber lain seperti kitab *Minhāj al-‘Abidin*, *Bidāyat al-Hidāyah*, *Arba‘īn fi Usūl al-Dīn*, *Nafahāt al-Ilāhiyyat* karangan Muḥammad al-Sammān (dan beberapa kitab karangan ulama-ulama lainnya. (al-Palembangi, t.t: 111, 180)

Di samping syariat, gesaan beliau untuk mengamalkan tarekat juga dimuatkan dalam kitab *Siyār al-Sālikīn*.³ Meskipun al-Palembāngī seperti juga al-Fatānī menerima pendapat-pendapat tertentu dari Ibn ‘Arabī (636/1240 M) atau ‘Abd al-Qādir al-Jīlānī (560/1166 M) terutama menyentuh doktrin *Insān al-Kāmil*, tetapi hampir keseluruhan penulisan dalam kitab *Siyār al-Sālikīn* memberikan penekanan terhadap tasawuf pada penyucian fikiran dan perilaku moral berbanding kepada pencarian tasawuf spekulatif dan falsafah. Menerusi karyanya ini, al-Palembāngī telah membahagikan karya-karya tasawuf kepada tiga fasa yang melibatkan sasaran-sasaran pembaca dan penelitinya. Pertama kepada golongan *mubtadi* (permulaan), kedua *mutawassit* (pertengahan) dan ketiga *muntahī* (peringkat tertinggi). Kitab beliau iaitu *Siyār al-Sālikīn* dianggap oleh beliau sesuai untuk pengajian golongan *mubtadi*. Manakala kitab seperti *Hikam* oleh Ibn ‘Aṭā’ Allāh al-Sakandari (m.709H/1309 M) patut dibaca oleh golongan pada peringkat *mutawassit* dan kitab seperti *Fuṣūs al-Hikam* dan *Mawāqī’ al-Nujūm* karangan Ibn ‘Arabī sesuai untuk penelitian golongan ahli tarekat yang bermartabat tinggi. (al-Palembāngī, t.t: 111, 181-187) Al-Palembāngī seperti juga al-Fatānī dan al-Banjārī mengakui peranan dan kepentingan tarekat dalam penyucian jiwa. Tidak

³ ‘Abd. Ṣamad al-Palembāngī menyebutkan mengamalkan tarekat menerusi guru yang murshid merupakan suatu kemestian untuk mencapai kesempurnaan sebagai insan. Lihat al-Palembāngi, t.t, Jil III, 3.

Pendekatan Karya Ulama Tradisional: Karya-karya Jawi Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin dll.

hairan jika al-Palembangi sendiri merupakan pengamal dan guru mursyid bagi tarekat *Sammāniyah* di samping mengikuti ajaran-ajaran tarekat *Khalwatiyah*.⁴

Jelas bahawa pengaliran ilmu daripada al-Haramayn pada abad ke-19 mencakupi sama aliran popular, khususnya cara latihan kerohanian atau tarekat dalam kehidupan sehari-harian dan pokok-pokok faham Islam moden yang mengalir keluar ke Asia Tenggara melalui fatwa, haji, ahli tarekat dan ulama yang menjadi guru. Bentuk pengajian yang diterapkan di pusat-pusat pengajian tradisional Utara Tanah Melayu menyerupai pengajian al-Haramayn, merangkumi ilmu syariah, lojik (mantiq) *fiqh* yang diselaraskan dengan kepentingan tarekat dan tasawuf.

Ciri-ciri dan kecenderungan intelektual yang dikembangkan oleh ulama di Haramayn turut mempengaruhi pemikiran ulama tradisional khususnya dari Kedah. Malah, perkembangan pemikiran ulama Kedah abad ke-19 dan 20 Masihi banyak berorientasikan pengaruh pemikiran ulama jawi yang menetap di al-Haramayn seperti al-Faṭānī dan al-Palembāngī ini. Terjadinya hal sedemikian adalah kerana penggunaan teks pengajian tradisional pondok berpandukan kitab-kitab jawi hasil karya para ulama ini yang telah lama menetap di Haramayn.

PEMANTAPAN PEMIKIRAN SYARIAT

Pendekatan penulisan karya yang paling ketara di kalangan ulama tradisional termasuk ulama Kedah ialah melalui pemantapan pemikiran syariat. Tekanan penulisan karya-karya fikah, usuluddin, hadith dan tafsir jelas menunjukkan bahawa ulama tradisional Kedah abad ke-19 dan 20 memberi tumpuan kepada pemikiran syariat sunni. Misalannya, pendekatan kitab yang di tulis pada peringkat awal di Kedah iaitu kitab *al-Sirāṭ al-Mustaqīm* oleh Sheikh Nūruddīn al-Rānirī (selesai menulis pada 1054/1644), *Kitāb Syarḥ 'Aqīdat al-Īmān* karya Sheikh Shihābuddin al-Hajj b. 'Abdullah Muḥammad al-Jāwī selesai ditulis pada 7 Jamadil Awwal 1162/24 April 1748 Masihi adalah berorientasikan syari'at sunni. Demikian juga tulisan Muhammad Salleh (1864-1944), tuan guru Pondok Pulau Pisang yang menulis kitab *Sirāj al-Huda* (1344 H) dan *Tanbih al-'Awām Listiqāz al-Mana* (1350), Wan Ibrahim Wan Kadir atau Pak Chu Him (1892-1968) yang menghasilkan karya *Faṭḥ al-Jalīl Wa Syifā' al-Ghalīl*. (Ismail, 1996: 189). Sementara Tuan Hussein Nasir atau dikenali dengan Tuan Hussain Kedah (1280H/1863-1355H/1936M) juga merupakan antara ulama Kedah yang paling

⁴ Untuk mengetahui silsilah tarekat Khalwatiyah al-Palembāngī, lihat *Siyār al-Sālikīn*, 111, 39-40. Manakala setengah daripada ajaran-ajaran tasawuf al-Palembāngī dibahaskan oleh El-Muhammady, M. U. (1972, 32-138)

produktif dalam penghasilan karya syariat sunni. Tuan Hussein Kedah menghasilkan 18 buah kitab meliputi bidang fikah, usuluddin, tasawuf dan pengetahuan umum dengan berorientasikan pemikiran syari'at sunni. Antara kitab karangan beliau ialah *al-Nūr al-Mustafīd fī 'Aqā'id ahl al-Tawhīd* (1887), *Tamrīn al-Şibyān* (1899), *Hidāyat al-Mutafakkirīn* (1918), *Kasr al-Iksīr* (1920), *Tadhkir Qabā'il al-Qādī* (terjemahan hadith Jawāhir al-Bukhārī) (1923), *Qatr al-Ghaythiyyah* (1924), *Hidāyat al-Tālibīn* (1924), *Hidāyat al-Atfāl* (1917), *Malāqit al-Lāmiyat Wa al-Şāfiyah* (bahasa Arab) (1925), *Tadrīb al-Şibyān* (1926), *Uşul al-Tawhīd* (1927), *Hidāyat al-Nikāh* (1928), *Tabşirāt Li Uli al-Bāb* (1931), *Hidāyat al-Ghilmān* (1932), *Tanbih al-Ikhwān fī Tadbīr al-Ma'āsyiah wa Taslīh al-Buldān* (1935), *Bunga Geti* (1935) dan *Hidāyat al-Şibyān*, (1944), kitab *Hidāyat al-Mutafakkirīn*, *Hidāyat al-Şibyān* dan *Uşul al-Tawhīd*. Keseluruhan kitab beliau menggunakan pendekatan syari'at sunni ini. Sementara pada akhir abad ke-20, muncul ulama tradisional yang meneruskan tradisi penulisan karya syariat sunni ini iaitu Abu Bakar Haji Hanafiah Taib al-Qadhi (1908-1998M). Sekurang-kurangnya terdapat 20 buah kitab beliau dalam pelbagai bidang dengan mengikut orientasi pemikiran syari'at sunni.

Hal ini bukan janggal kerana karya-karya yang dijadikan teks pengajian mereka juga adalah bersifat pengajian syari'at sunni. Misalannya, kitab *Sābil al-Muhtadīn* karya Muḥammad Arsyād b. Abdullah al-Banjārī dan karya karangan Daud al-Faṭānī seperti *Hidāyat al-Muta'allim* (1244H/1828). Daud al-Faṭānī yang menghasilkan karya-karya bernilai tinggi seperti *Furū' al-Masā'il* dan *Bughyat al-Tullāb* dalam bidang fiqh sunni merupakan antara puluhan karya fiqh yang masyhur di kalangan ulama tradisional Kedah. Bersama-sama karya fiqh ini, diterapkan pendekatan pemikiran sunni seperti dalam karya beliau *Jawāhir al-Sāniyah*. Pada al-Faṭānī aliran faham yang menolak pemikiran ahl Sunnah wa al-Jamā'ah boleh dianggap bida'ah dan sesat. (Wan Mohd. Shaghir, 1990: 106) Antara karya fiqh lain yang paling banyak ditelaah ulama tradisional Kedah ialah *Matlā'ul Badrayn wa Majmū' al-Baḥrayn*, diselesaikan pada 1303 H/1886 M iaitu karangan Syeikh Muḥammad b. Ismā'il b. Muḥammad Zayn al-Faṭānī.

Penulisan pengajian akidah merupakan antara penulisan karya paling popular di kalangan ulama Kedah. Misalannya kitab *Ilmu Tauhid* karangan Ahmad b. Aminuddin Qadhi (Kedah), *Kitab Syarḥ 'Aqīdat al-Imān* karya Sheikh Shihābuddīn al-Ḥajj b. Abdullah Muḥammad al-Jāwī selesai ditulis pada 7 Jamadil Awwal 1162/24 April 1748 M. Demikian juga kitab *Sirāj al-Hudā* (1344 H) dan *Tanbih al-'Awām Listiqāz al-Mana* (1350) oleh Muhammad Salleh (1864-1944), tuan guru Pondok Pulau Pisang, *Fath al-Jalīl Wa Syifā' al-Ghalīl* karya Wan Ibrahim Wan Kadir atau Pak Chu Him (1892-1968) turut membicarakan usuluddin sunni dengan pendekatan kupasan "sifat dua puluh" (Ismail, 1996: 189) Tuan Hussein Nasir menulis dalam sebahagian besar kitab beliau mengenai bab akidah dengan pendekatan pengajian sifat dua puluh. Kitab

Pendekatan Karya Ulama Tradisional: Karya-karya Jawi Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin dll.

paling menonjol dalam bab akidah adalah seperti *Hidāyat al-Ṣibyān*, (1944) kitab *Hidāyat al-Mutafakkirīn*, *Hidāyat al-Ṣibyān* dan *Uṣūl al-Tawhīd*.

Kitab-kitab akidah yang dijadikan teks di pondok-pondok Kedah juga menggunakan pendekatan pengajian sifat dua puluh. Misalannya kitab *Bidāyat al-Hidāyat* karangan Sheikh Muḥammad Zayn b. Faqīh Jalaluddin, dikarang pada tahun 1170 H/1757 M yang merupakan antara kitab tertua dalam pengajian akidah/usuluddin sunni, kitab *Faridah al-Farā'id*, (1313H/1895 M) karangan Sheikh Aḥmad al-Faṭānī, kitab *Sirāj al-Hudā* karangan Syaikh Muḥammad Zainuddin Badawī al-Sumbawī, *Ad-Durr al-Thamīn* dan *Wardu al-Zawāhir* karangan Shaikh Daud al-Faṭānī dan kitab *'Aqīdat al-Nājīn fī 'Ilm Uṣūl al-Dīn* oleh Syekh Zayn al-'Ābidīn b. Muḥammad al-Faṭānī. (Wan Mohd. Shaghir, 1996: 8-9) Keseluruhan kitab dalam pengajian akidah/usuluddin pada ketika ini menggunakan pendekatan pengajian "sifat dua puluh" yang menggabungkan asas-asas logik dan hujah-hujah naqli. Hal ini dapat menunjukkan bahawa pendekatan pemikiran usuluddin Ash'ari dan Maturidi adalah satu-satu pemikiran yang mendominasi ulama Kedah dan Utara Tanah Melayu lain.

Asal pendekatan pemikiran usuluddin sunni ini mengikut aliran mazhab pemikiran Ash'ari (260H/873M-324H/935M) dan Maturidi (870H/1465M-944H/1537M) adalah merupakan pendekatan sederhana antara aliran *Mu'tazilah*,⁵ *Jabariyyah*⁶ dan *Muḥaddithūn*. Shafie Abu Bakar menjelaskan, pendekatan ini menggunakan hujah-hujah naqli di samping tidak menolak hujah-hujah mantiq dalam membahaskan persoalan-persoalan seperti dhat, sifat, jisim, jirim, ruang, zaman, zarah (atom) dan sebagainya. (Shafi'e, 1990: 35) Aliran faham Ash'ari dan Maturidi ini diperkukuh pula oleh Muhammad b. Yusuf b. 'Umar b. Shu'ayb al-Sanusi (m. 895H/1490M) yang menulis kitab *Umm al-Barāhīn*. Kitab ini boleh disebut sebagai ibu kepada kitab-kitab usuluddin sunni kerana menggunakan pendekatan pengajian "sifat dua puluh". Syarah kepada kitab ini banyak dilakukan oleh ulama Alam Melayu yang digunakan di dalam pengajian tradisional pondok abad ini di Utara Tanah Melayu. Misalnya, Muḥammad Zayn b. al-Faqīh Jalāl al-Dīn, membuat syarahnya dalam kitab *Bidāyat al-Hidāyat* (1329 H/1911M) 48 halaman, Zayn al-'Ābidīn b. Muḥammad al-Faṭānī dalam kitab *'Aqīdat al-Nājīn fī 'Ilm Uṣūl al-Dīn*, 136 halaman dan Muḥammad Zīn al-Dīn b. Muḥammad Badawī al-Sumbawī dalam kitab *Sirāj al-Hudā* (1303H/1885M) sebanyak 50 halaman. Bahkan syarah kitab ini juga dilakukan dalam bahasa Arab seperti karya al-Ḍasūqī yang menulis *Hāsyiyat 'alā Sharḥ Umm al-Barāhīn*

⁵ Mu'tazilah berpegang kepada rasional akal dan melihatnya sebagai tidak bertentangan dengan wahyu. Golongan yang menentanginya mendakwa Mu'tazilah telah meletakkan martabat ketuhanan kepada taraf spekulasi akal semata-mata.

⁶ Golongan Jabariyyah didakwa membawa doktrin manusia tidak mempunyai ikhtiar di atas perbuatannya seolah-olah perbuatan manusia itu seperti sehelai bulu yang berterbangan.

sebanyak 208 halaman. Paling nyata kesemua penulisan kitab-kitab jawi oleh ulama tradisional menggunakan metod penghuraian sifat dua puluh ini.

Dapat ditegaskan bahawa pengaruh pemikiran syari'at menjadi dasar pengajian ulama tradisional pondok abad ke-19 dan 20 Masihi. Pendekatan fiqh yang diterapkan telah mengukuhkan penglibatan mereka dan pendekatan usuluddin mengukuhkan keyakinan mengikut pemikiran syari'at sunni dengan faham mazhab fiqh Syafi'i dan aliran faham usuluddin Ash'ari dan Maturidi.

Pondok yang merupakan pengajian tradisional adalah satu-satunya tempat pemelihara perkembangan faham mazhab fiqh Syafi'i dan faham usuluddin aliran Ash'ari dan Maturidi. Kerana itu, penelitian terhadap tokoh ulama Tuan Guru Abu Bakar Palestin membuktikan bahawa pengaruh keilmuan al-Haramayn tetap wujud dalam karya-karya beliau. Demikian juga pemantapan syari'at sunni dengan gabungan antara fiqh dan tasawuf.

TUAN GURU HAJI ABU BAKAR HAJI HANAFIAH TAIB AL-QADHI (1908-1998M) DAN KHAZANAH KARYA-KARYA JAWI BELIAU

RIWAYAT HIDUP

Secara ringkas mengenai riwayat hidup beliau adalah seperti berikut. Beliau lahir di Gandai, Kedah pada tahun 1908 Masihi dan merupakan anak keempat dalam keluarga. Beliau memasuki Sekolah Rendah Kebangsaan Ayer Hitam ketika berusia 13 tahun. Setelah tiga tahun belajar di sekolah tersebut iaitu ketika berusia 16 tahun beliau berangkat ke Makkah dan belajar di Haramayn selama 14 tahun. Ketika di Makkah beliau sempat belajar dengan empat puluh orang guru. Antara guru-guru beliau yang terkenal ialah Wan Ismail b. Wan Abdul Kadir atau dikenali sebagai Pak Da Ail (1882-1965),⁷ 'Abd al-Qādir b. 'Abd al-Mutallib al-Mandilī,⁸ Tuan Guru Haji Syafie,

⁷ Dilahirkan di Kampung Bendang Daya, Patani. Ayah beliau Wan Abd. Kadir adalah ulama besar Patani pada pertengahan abad ke-19. Keluarga beliau adalah keluarga ulama. Beliau mempunyai tiga orang bapa saudara yang dianggap tokoh ilmuan Islam iaitu Syeikh Wan Mohd Zayn al-Faṭāni, pengarang kitab Melayu terkenal, Syeikh Wan Abdul Latif dan Syeikh Wan Daud yang masyhur dipanggil Pak Chik Daud.

⁸ 'Abd al-Qādir b. 'Abd al-Mutallib al-Mandilī yang menetap di Makkah adalah seorang ulama dan penulis puluhan kitab-kitab ilmiah agama. Antara kitabnya ialah kitab-kitab menolak pendapat Abu Bakar al-Ash'ari. Misalnya penulisan kitab *Pembantu sekalian orang Islam dengan harus membaca Qur'an dan Sampai Pahalanya kepada Sekalian yang Mati* (1375 H/ 1956 M) ditulis untuk menyanggah pendapat golongan yang *menbid'ahkan* bacaan tahlil dan bacaan Qur'an kepada si mati. Manakala kitab bertajuk *Sinaran Matahari* (1379 H) ditulis khusus untuk menolak pendapat Abu Bakar Asyari (1904-1970)

Pendekatan Karya Ulama Tradisional: Karya-karya Jawi Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin dll.

Syeikh 'Alawī al-'Ārabī dan Syeikh 'Ālim Mālikī. (Wawancara: Tuan Guru Haji Zakaria Mohd Samman, 20. September 1999 dan Adnan Ghazali, 8 Mei 2000) Guru-guru lain yang masyhur yang pernah disebut oleh Azyumardi Azra juga merupakan guru beliau ketika di Makkah, antaranya seperti Hasan Mustafa al-Garutī (1852-1930M), Sayyid Muhsin al-Palembāngī dan Abd Karim al-Banjārī dan lain-lain (Azyumardi 1999: 149)

Setelah lama di Makkah, beliau berpindah ke Palestin untuk bekerja bagi menyara kehidupannya di sana. Beliau pernah menceritakan pengalaman pahit beliau ketika merantau di Palestin. Beliau pernah merentas padang pasir di kawasan Nabi Musa tersesat selama empat puluh tahun. Berbekalkan sebilah pisau beliau meneruskan perjalanan mengharung padang pasir. Beliau pernah bermalam dengan kambing-kambing kepunyaan kabilah badwi (Wawancara: Adnan Ghazali, 8 Mei 2000). Di Palestin beliau bekerja sebagai tukang masak dalam Rejimen polis Palestin. Namun kerja tersebut hanya kekal selama sebulan sahaja. Hal ini disebabkan beliau dilayan begitu kasar oleh anggota pasukan polis tersebut. Setelah itu, beliau bekerja sebagai pembuat bahan letupan selama setahun, iaitu pada zaman berlaku peperangan dunia kedua. Beliau menetap di Palestin selama tiga tahun satu bulan. Berdasarkan pengalaman beliau di Palestin ini, beliau lebih dikenali sebagai Tuan Guru Abu Bakar Palestin. Setelah peperangan dunia kedua tamat beliau mengambil keputusan untuk pulang ke tanah air iaitu sekitar tahun 50an.

Apabila pulang Kedah, beliau menetap di Pondok Tuan Guru Haji Idris, Ayer Hitam, Kedah selama dua tahun iaitu pondok bersebelahan dengan pondok yang diasaskan oleh beliau. Pada ketika itu, kemasyhuran ilmu beliau sudah tersebar luas sehingga Syeikh al-Islām, Wan Sulaiman Wan Siddiq (1874-1935) menjemput beliau menjadi kadi di daerah Sik. Namun, beliau menolak tawaran tersebut. Selepas kematian Tuan Guru Haji Idris (sekitar 1950an) beliau membuka pondok bersebelahan dan menjadi Tuan Guru pondok tersebut sehingga beliau kembali ke rahmatullah pada 5 Oktober 1998 dalam usia 90 tahun. Anak muridnya, Abdul Samad bin Lebai Ismail menyebut bahawa pondok tersebut pernah menerima kehadiran murid seramai 300-500 orang ketika zaman kegemilangannya itu. (Wawancara: Samad Lebai Ismail, 8 September, 1999)

Selain membuka pondok, beliau meneruskan usaha membuka sebuah sekolah agama bernama *Madrasah Nurul Islam* pada tahun 1958. Sekolah ini yang terletak bersebelahan dengan pondok beliau pada awalnya mempunyai 40 orang murid perempuan tetapi pada tahun 1964, para pelajar lelaki mula dibenarkan belajar di sekolah berkenaan.

Tuan Guru Haji Abu Bakar bukan sahaja seorang tuan guru yang amat aktif mengajar malah yang lebih istimewa pada beliau ialah kerana kebolehan mengarang

kitab. Sepanjang hidupnya, beliau menumpahkan perhatian dengan mengajar dan mengarang. Sebab itu, beliau berupaya mengarang lebih daripada dua puluh buah kitab dalam pelbagai disiplin ilmu-ilmu Islam meliputi sejarah Islam, fikah, tasawuf, tauhid, sejarah, hadis dan politik. Antara hasil karya beliau yang dapat dikesan ialah kitab *Nur al-Safā fī Akhbār al-Mustafā* (Ilmu Tarikh), *Tadhkirat al-Qādiyyah* (Ilmu Fiqh) *Risālah al-Nūr* (Ilmu Tasawuf), *Qūt al-Muhtāj fī Qiṣṣat al-Isrā' wa al-Mi'rāj* (Isra' Mi'raj), *Al-Dā'iy li al-Salām fī 'Aqā'id Ahl al-Islām* (Ilmu Tauhid), *Kitab al-Tāwhīd* (Ilmu Tauhid) *Tawhīd al-Abrār* (Ilmu Tauhid) *Tawdīh al-Afhām Bi Syarḥ 'Aqīdah al-'Awām* (Ilmu Tauhid), *T'ānah al-Muṣalli* (Ilmu Fiqah), *Tadhkirat al-Muṣalli* (ilmu Fiqah), *Tadhkirat al-Nāshī'in* (Ilmu Fiqah dan Tasawuf), *Busyrā Lil-bait Bi Syamā'il al-Habīb* (Ilmu Sifat-sifat Nabi Muhammad), *Panduan Islam, Pancaran Islam* (Ilmu Politik), *Hidāyah al-Nāsik*, (Haji dan Umrāh), *Ilmu Tārīkh al-Nabawī* (Sejarah), *Lubāb al-Hadīth* (hadis), *Miṣbāh al-Zalām wa Bahjah al-Anām* (hadis), *Irsyād al-Muta'abbidīn* (tasawuf), *Busyrā al-Labīb fī Bayān Sirāt al-Habīb* (sejarah).

Tidak salah untuk meletakkan kebolehan beliau sebagai seorang penulis yang dapat menyaingi ketokohan Hussain bin Muhammad Nasir atau lebih dikenali sebagai Tuan Hussain Kedah (1963-1936) sebagai seorang pengarang kitab yang dihormati dan berwibawa di Kedah. Namun, kewibawaan Tuan Guru Abu Bakar Palestin dalam bidang tasawuf dan sejarah lebih terserlah jika berdasarkan penghasilan karya beliau dalam bidang tersebut. (Wawancara: Samad 8 September 1999)

SIFAT PERIBADI TUAN GURU ABU BAKAR PALESTIN

Mewarisi sifat para ulama yang dikenali sebagai '*ulamā al-dīn*', beliau amat tekun beramal ibadat. Beliau sering kali menangis di tengah malam kerana bermunajat dan beribadat kepada Allah. Beliau selalu melakukan ibadat puasa sunat dan sentiasa memulakan sembahyang fardu berjama'ah dengan anak-anak muridnya di awal waktu sepanjang hidup beliau di pondok Ayer Hitam. (Wawancara: Adnan Ghazali, 8 Mei 2000) Sifat kuat beribadat ini nampaknya amat bertepatan dengan semua karya yang dihasilkan kerana kesemuanya ditulis semacam menggabungkan aspek ilmu, amal dan tasawuf. Menurut Adnan, salah seorang daripada anak muridnya, Tuan Guru Abu Bakar juga menerima dan mengamalkan tarekat *Idrisiyyah*. Namun sehingga beliau meninggal tidak ada seorang pun anak murid yang mewarisi tarekat ini. Pada beliau tarekat tidak boleh diamalkan oleh seorang yang kurang mendalami ilmu usuluddin dan syariah.

Paling nyata pada beliau ialah sifat ikhlas dalam beribadat. Beliau amat menyembunyikan amalan-amalan dan kelakuan-kelakuan ibadat kepada Allah. Sukar pada anak murid beliau melihat beliau beribadat sunat di hadapan umum, namun

Pendekatan Karya Ulama Tradisional: Karya-karya Jawi Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin dll. umum di kalangan murid-muridnya mengetahui bahawa beliau amat kuat beribadat, berzikir dan bermunajat kepada Allah.

Beliau tidak pernah memberatkan sesuatu ibadat itu jika ditunaikan bersama-sama dengan masyarakat. Misalnya, ibadat sembahyang berjamaah. Sebagai imam, beliau akan lakukan ibadat tersebut dengan ringkas dan penuh tertib. Dalam kitab beliau sendiri, Tuan Guru Abu Bakar pernah menyebut bahawa harus membaca zikir ringkas setelah selesai menunaikan sembahyang berjamaah. Kerana itu, beliau sendiri melakukannya seringkas mungkin dan setelah itu pula amat menggalakkan para muridnya mengamalkan doa, zikir dan pelbagai amalan yang lain secara bersendirian. Paling jelas, beliau mendahului para muridnya dalam amalan-amalan ini secara sendirian dan beliau amat berhati-hati dengan segala amalan beliau supaya beliau terselamat daripada sifat riya', ujub dan tidak ikhlas. Tuan Guru kembali ke rahmatullah pada tahun 1998 dalam keadaan wajah yang bercahaya, berisi penuh dan kelihatan berpeluh di kening. Malah, setiap orang yang menziarahi beliau menyebut-nyebut bahawa wajah ketika beliau meninggal jauh lebih cantik dan berseri berbanding wajah beliau ketika sedang sakit. Demikian Allah menampakkan keredhaanNya kepada tokoh ulama ini.

ANALISIS TERHADAP KARYA-KARYA TUAN GURU ABU BAKAR PALESTIN

JENIS-JENIS KARYA

Meski pun karya-karya yang dihasilkan oleh beliau seperti juga ulama tradisional lain yang banyak berkisar dalam bidang akidah, fikah dan tasawuf dan sudah banyak ditulis dan dikupas oleh pengkarya-pengkarya tradisional sebelum beliau, namun bezanya beliau telah melakukan pendekatan-pendekatan "baru" atau memperincikan, memperjelas bahan-bahan yang ada dan menghubungkan dengan situasi dan lingkungan tertentu di zamannya. Hal ini mencerminkan karya-karya yang dihasilkan bertujuan memenuhi keperluan masyarakat Melayu yang kebanyakan masih awam dalam memahami selok-belok agama. Terdapat sekurang-kurangnya empat disiplin ilmu Islam yang menjadi perhatian utama dalam penulisan beliau yang boleh diperincikan sebagai berikut:

i. Kitab Aqidah

Terdapat sekurang-kurangnya empat buah kitab yang dikarang oleh beliau menyentuh mengenai ilmu akidah. Antaranya ialah *Al-Dā'iy li al-Salām fī 'Aqā'id Ahl al-Islām*, *Kitāb al-Tawhīd*, *Tawhīd al-Abrar*, *Kitāb al-Wahīd fī Bayān 'Ilm al-Tawhīd* dan *Kitāb Tawdīh al-Afham Bi Syarh 'Āqidah al-'Awām*. *Kitāb al-Wahīd* yang setebal

88 muka surat siap ditulis pada 16 Jamadil Akhir 1390 bersamaan tahun 1970. Sementara *Kitāb Tawdīh* yang setebal 109 muka surat mula ditulis pada 7 Zulhijjah 1901 bersamaan 6 September 1981 dan berakhir pada 22 Zulhijjah 1401 bersamaan 20 Oktober 1981. Ini bermakna beliau hanya mengambil masa satu bulan empat belas hari sahaja untuk menyiapkan kitab tersebut. Keadaan ini menunjukkan kesungguhan dan semangat penghasilan karya amat tinggi pada beliau. Seperti karya-karya para ulama tradisional yang lain, Tuan Guru Abu Bakar juga menggunakan pendekatan huraian *sifat dua puluh* dalam kitab akidah. Bezanya, terdapat kitab akidah yang ditulis menggunakan kaedah soal jawab, iaitu beliau menyoal dan menjawab dalam kitab tersebut seperti kitab *Tawdīh*. Manakala kitab-kitab yang lain menggunakan kaedah huraian. Kesemua kitab-kitab akidah ini mencampurkan beberapa perkataan bahasa Arab dengan bahasa Melayu. Misalannya perkataan '*adam, meizharkan, metahqiqkan, fana, makrifat, Iqrar*, dan lain-lain. Ini bermakna kitab ini sukar difahami oleh masyarakat awam melainkan jika dibaca secara menadah kitab. Perbincangan tentang ilmu akidah amat mendalam dan terperinci. Dalam menghurai dan menerangkan beberapa sifat ketuhanan, Tuan Guru menggunakan perbincangan dan diselang-seli dengan kisah yang dijadikan sebagai contoh memperkuat hujah. Keadaan ini amat berkesan untuk menjelaskan maksud beliau. Misalannya, dalam kitab *Tawdīh* beliau menyebut:

“... cerita daripada Muhammad bin Ja'far Rahimahullah bahawasanya berkata ia adalah saya bersama-sama dengan khalifah dalam sebuah perahu lalu bercakap khalifah demikian katanya bermula saya satu dan Tuhan saya pun satu maka sahut saya diam wahai Amirul Mukminin jikalau engkau bercakap lagi sekali seperti yang telah engkau bercakap nescaya kami karamkan sekalian sahut khalifah kenapa jawabnya engkau bukan satu hasanya engkau itu dua. Ruh dan badan daripada dua ibu dan bapa dalam dua malam dan siang dengan dua makan dan minum beserta dua lemah dan papa bermula yang satu ialah Allah la ilaha illa Huwa tidak Tuhan melainkan iyalah tercengang khalifah dari huraian ini?” (Abu Bakar, t.t: 8)

Ketokohan dan keintelektualan beliau nampak jelas sehingga berupaya mengkritik pemikiran ulama Alam Melayu abad ke-19 termasuk Syeikh Daud al-Faṭāni sendiri. Misalannya, dalam kitab *Tawdīh al-Afhām Bi Sharḥ 'Āqīdat al-'Awām* (t.t) ini beliau menyebut:

“Ini satu kesedaran yang selalu berada di serata kitab-kitab ulama mutaakhirin, katanya harus bagi Allah Ta'ala memasukkan ahli-ahli taat ke dalam neraka dan ahli maksiat ke dalam syurga dengan iktibar mereka semua makhluk ini milik Allah apa jua membuat ia semua-semuanya dalam pemerintahannya pada pandangan akal atau setengah ibarat mereka bermula

Pendekatan Karya Ulama Tradisional: Karya-karya Jawi Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin dll.

harus bagi Allah Ta'ala memberi pahala ia akan ahli yang berdosa dan meng[y]seksa ia akan ahli ta'at maka ini cakapan sekurang-kurangnya jahat adab pada syarak janganlah dibuat buah mulut sangat dalam persyarahan walaupun ulama mutaakhirin sudah terlajak dalam masalah ini kerana cakapan ini membawa ke hadrat Allah Ta'ala suka membuat zalim iaitu mereka yang berbuat baik baguslah di balas jahat dan tiap-tiap yang mengerjakan jahat baguslah di balas baik pada hal firman Allah sendiri sudah cukuplah dengan cakapan ini “ وما انا بظلام للعبيد ” (al-Qur'an, al-Ma'idah, 1), dan bermula aku tidaklah dengan banyak buat zalim bagi sekalian hamba-hambaku...” (Abu Bakar, t.t: 32-33).

Ternyata bahawa hujah beliau dapat menyangkal hujah ulama *muta'akkhirin* ini khususnya apabila membicarakan persoalan sifat harus bagi Allah.

ii. Kitab Fikah/Tasawwuf

Beberapa buah kitab beliau pula ditulis mengenai masalah fikah. Misalannya kitab *Tadhkirat al-Qādiyah* yang ditulis sebanyak seratus muka surat yang dimulakan penulisan pada 5 Disember 1982 dan disudahkan pada 7 Mac 1983 merupakan kitab merangkumi masalah perihal sembahyang dan segala yang bersangkutan dengannya secara terperinci, perihal mati dan zakat, puasa, haji ziarah Makkah dan Madinah, qurban, 'aqiqah, perkahwinan, *khitan*, adab-adab minum dan adab-adab menyampaikan pelajaran kepada kanak-kanak. Perbahasan-perbahasan dalam kitab ini ditulis cukup terperinci, mendalam dan menarik. Beliau memulakan penguraian sesuatu masalah fikah itu dengan sempurna, kemudian menimbulkan masalah-masalah berbangkit dalam bidang fikah ini dengan meletakkan tajuk “faedah” yang kemudiannya membolehkan beliau memberikan pendapatnya dengan bersandarkan dalil-dalil al-Quran, Sunnah dan pendapat-pendapat ulama. Sementara *Kitāb Tadhkirat al-Nāshī'in*, setebal 221 muka surat adalah sebuah kitab yang menggabungkan bab-baba fikah dan bab-bab tasawuf. Masalah yang dibincangkan dalam bab ini ialah semua masalah yang melibatkan amalan sembahyang dan puasa. Kemudian beliau ikuti dengan bab-bab tasawuf. Demikian juga kitab karangan beliau iaitu *I'ānāt al-Muṣally*, sebuah kitab setebal 92 muka surat merupakan kitab gabungan bab fikah dan tasawuf. Kitab ini mengupas persoalan sembahyang fardu dan sunat kemudian disusuli dengan bab sifat-sifat mahmudah seperti ikhlas, taubat, istighfar, muraqabah dan sifat mazmumah seperti *riyā'*, *'ujūb*, *sum'ah* dan *takabbur*. Penulisan-penulisan sedemikian menggambarkan betapa beliau tetap meneruskan tradisi ulama tradisional iaitu yang menggabungkan pendekatan syariat dengan tasawuf. Tradisi ini merupakan penerus *neo-sufisme* aliran al-Ghazālī di Alam Melayu. Pembaca kitab beliau dapat menikmati penulisan-penulisan sebegini sama seperti mereka menatap karangan Imām al-Ghazālī dalam kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* yang secara umumnya juga membicarakan sifat

mazmumah dan *mahmudah*. Cuma lebih istimewa lagi ialah beliau menulis bersesuaian dengan kerangka ilmu serta budaya masyarakat Melayu yang diajarkannya itu. Corak sedemikian sudah diterima sebagai salah satu tradisi penulisan dalam kebanyakan karya-karya jawi di Kedah. Jika boleh ditegaskan di sini bahawa ulama tradisional pondok meskipun kebanyakan mereka merupakan pengamal tarekat, namun corak pendekatan pengajian tasawuf yang disampaikan kepada masyarakat tetap mengambil metode pengajaran Imām al-Ghazālī dengan meyajikan penulisan mengenai sifat *mazmumah* dan *mahmudah*. Ini bermakna, tasawuf falsafah tidak menjadi pegangan mereka, malah mereka adalah antara ulama yang melarang pemahaman tasawuf falsafah di kalangan masyarakat awam.

iii. Kitab Sejarah

Sekurang-kurangnya terdapat tiga buah kitab mengenai sejarah khususnya mengenai sejarah Nabi Muhammad s.a.w yang dihasilkan oleh Tuan Guru Abu Bakar Hanafiah. Antaranya ialah *Bushrā Lil-bait Bi Shamā'il al-Ḥabīb, Ilmu Tārīkh al-Nabawī* dan *Bushrā al-Labīb fī Bayān Sīrat al-Ḥabīb*. Kitab-kitab sejarah yang dikarang oleh beliau tetap meletakkan fakta-fakta sejarah hasil karya ulama sejarah Islam yang muktabar. Penulisan beliau juga seperti penulisan karya-karya jawi sebelum beliau tetap meneguhkan riwayat mengenai nur Muhammad s.a.w walaupun beliau tidak menulis secara perinci tentang hakikat nur Muhammad s.a.w.

Misalannya beliau menulis dalam kitab *Nūr al-Ṣafā*:

Berkata Ibn Abbas Radhi Allahu Anhumā, Tatakala ditiup ruh pada Adam tetaplah nur Muhammad s.a.w. di dahinya seperti matahari, berkata setengah arifin serta kuat pancaran nur itu tidak kelihatan iblis laknatul Allah Ta'ala kerana hinanya dan kejinya... (Abu Bakar, t.t: 9)

Lebih ketara lagi apabila beliau turut menyokong riwayat-riwayat mengenai kisah kelahiran Nabi Muhammad s.a.w mengikut pentafsiran ulama tradisional. Misalannya dalam kitab *Nūr al-Ṣafā fī Akhbār al-Muṣṭafā* (t.t), beliau turut menyebut mengenai bangunan parlimen Kisra yang dibina oleh *Kisra Unsyurawan* telah terbelah dua, manakala api yang bernyala di Farsi (Iran) selama beribu tahun di Mausul, Iraq terpadam di samping tasik di negeri tersebut juga kering pada malam kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. (Abu Bakar, t.t: 14) Demikian juga kisah kehadiran para Nabi memberi ucapan kebesaran dalam mimpi Siti Aminah, ibu Nabi Muhammad s.a.w. Beliau menyebut, pada bulan pertama, Nabi Adam muncul dalam mimpi Siti Aminah, pada malam kedua Nabi Idris, disusuli dengan Nabi Nuh, Nabi Ibrahim, Nabi Ismail, Nabi Musa, Nabi Daud, Nabi Sulaiman dan Nabi Isa yang berpesan kepada Siti Aminah agar menamakan anaknya sebagai Muhammad. (Abu Bakar, t.t.: 8-9) Beliau juga berpendapat bahawa Nabi Muhammad s.a. w. dilahirkan

Pendekatan Karya Ulama Tradisional: Karya-karya Jawi Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin dll.

melalui bawah pusat ibunya atau melalui belahan rusuk kiri ibunya dan bukan melalui saluran peranakan biasa. Hal ini beliau ditulis dalam kitab *Nūr al-Ṣafā fī Akhbār al-Mustafā* sebagai berikut:

Berkata ulama kita yang *muhaqqiqīn* diputrakan akan dia bukan keluar ia dari faraj ibunya bahkan keluarnya di bawah pusat bundanya, berkata setengah mereka pecah rusuk bondanya maka keluarlah ia daripadanya... (Abu Bakar, t.t.: 12)

Pendekatan pemikiran tradisional ini dalam banyak hal ditentang oleh sebilangan golongan “ulama islah” dengan mendakwa tidak terdapat nas al-Qur’an dan riwayat-riwayat hadis sahih yang menyokong kebenaran kisah-kisah tersebut.⁹ Apa pun, tulisan sejarah Nabi Muhammad s.a.w dibuat cukup mendalam dan teliti sekali, penuh dengan riwayat dan nama-nama orang yang terbabit dalam peristiwa di zaman Nabi Muhammad s.a.w tersebut.

iv. Kitab Hadis

Sekurang-kurangnya terdapat dua buah kitab hadis yang ditulis oleh beliau iaitu kitab *Lubāb al-Ḥadīth* dan *Miṣbāḥ al-Zalām wa Bahjah al-Anām*. *Kitāb Lubāb al-Ḥadīth* disiapkan pada 1384H/1974M dengan ketebalan 186 muka surat. Sementara kitab *Kitāb Miṣbāḥ* disiapkan pada 1406H/1985M dan setebal 262 muka surat. *Kitāb Lubāb* merupakan himpunan hadis-hadis dalam masalah fikah dan tasawuf. Manakala *Kitāb Miṣbāḥ* adalah himpunan hadis Qudsi dan Nabawi yang kebanyakan hadis-hadisnya dikutip daripada karangan ‘Abdul Ra’uf al-Sannawi, *Kitāb Faṭḥ al-Kabīr, al-Jāmi‘ al-Saghīr* karangan Jalāluddīn al-Suyūṭī dan *Kitāb Riyāḍ al-Ṣalīḥīn* karangan al-Nawawī. *Kitāb Miṣbāḥ* dikarang menggunakan kaedah abjad. Kitab ini disusun dengan hadis-hadis yang diletakkan nota kaki dalam menerangkan kekuatan hadis dan huraiannya.

METODE PENULISAN

Bentuk penulisan di dalam karya-karya jawi beliau adalah bersifat bahasa Melayu terjemahan Arab. Misalannya, beliau memulakan dengan perkataan “ini baginda kita memberita harga puasa”. Namun penulisan sedemikian bukannya asing kepada para ulama tradisional Alam Melayu yang terikut-ikut dengan gaya bahasa Arab dan gaya penulisan ulama Alam Melayu yang sudah lama menetap di Haramayn seperti Syeikh Daud al-Fatānī, Ahmad al-Fatānī dan lain-lain. Di samping itu, ayat-ayat yang

⁹ Untuk tinjauan lanjut ‘lihat pandangan ulama Islah Perlis dalam *Pandangan Kaum Muda Perlis*, oleh Mohd Radzi Hj. Othman dan Orang Kaya Rahmat Dato’ Baharuddin, (1991).

dibentuk oleh beliau panjang-panjang melebihi 10 baris sehingga membentuk satu paragraf. Keadaan ini ternyata ditulis bersesuaian bentuk-bentuk penulisan kitab Melayu Jawi sebelumnya yang dikarang bertujuan untuk bacaan “menadah kitab” di hadapan guru. Di samping itu, beliau menggunakan perkataan pengulangan dalam beberapa kitab beliau. Misalannya dalam kitab *Tadhkirah al-Qādiyyah* beliau menyebut:

bermula makna *Ashhadu Anna Muḥammadan Rasūlullāh*, bahawasanya mesti beriktikad dan mesti mengambil pecaman tempat dan mesti engkau mengetahui cukup tepat dan mesti engkau beriman yang tidak boleh berpisah lagi dan mesti engkau paku keimananmu sampai teguh... (Abu Bakar, t.t: 3).

Kitab-kitab beliau juga nampaknya cuba bebas daripada gaya penulisan kitab Jawi tradisional apabila beliau menggunakan cara gaya nota kaki. Beberapa kitab khususnya kitab hadis menggunakan kaedah ini. Nama-nama perawi hadis diletakkan pada nota kaki di samping huraian-huraian tertentu mengenai hadis tersebut. Beliau juga memasukkan banyak perkataan-perkataan dalam bahasa loghat Kedah. Misalannya, perkataan “pulun”, “pengesut”, “kelih”, dan “lah” (berhenti menyusu) Ini bermakna, para pembaca kitab ini harus mengetahui bahasa Kedah dalam beberapa tempat sebelum boleh memahami kitab ini.

Di dalam beberapa buah kitab fikah, beliau menggunakan kaedah berbentuk “fasal” bagi memisahkan suatu isu dengan isu yang lain. Bagi menerangkan itu-isu berbangkit yang mengenai masyarakat semasa beliau menggunakan permulaan kata “faedah” untuk memulakan kupasan masalah-masalah tersebut.

KESIMPULAN

Ulama tradisional termasuk ulama di Kedah telah meletakkan asas pengajian Islam yang kukuh. Gabungan pengajian syariat- tasawuf cukup kuat sehingga sukar dipisahkan antara kedua-duanya dalam segenap pengajian Islam di pusat-pusat pengajian tradisional pondok termasuk di Kedah. Tarekat diterima sebagai suatu amalan kerohanian tetapi bukan kepada semua orang dan golongan. Malah para ulama tradisional mengecam pengajian tarekat dan tasawuf falsafah kepada orang awam kerana ia boleh membahayakan akidah. Malangnya dengan pengusutan pengajian tradisional, pendekatan yang dipelihara oleh ulama pondok juga turut terjejas. Ulama pondok khususnya yang pernah mendapat pengajian al-Haramayn bukan sekadar sudah semakin kurang malah karya-karya jawi mereka juga sudah tidak lagi ditelaah.

Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin mungkin antara ulama terakhir dari tradisi pengajian pondok yang telah meneruskan sistem pengajian ‘umumi pondok dan juga

Pendekatan Karya Ulama Tradisional: Karya-karya Jawi Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin dll.

aktif menghasilkan karya-karya jawi di Tanah Melayu. Karya-karya beliau ditulis penuh dengan mutiara-mutiara ilmu, bersih dari segenap harapan gelaran dan imbuhan. Karya-karyanya bersalut antara ilmu, galakan beramal dan semangat kesufian. Karya beliau cukup tinggi dan intelek serta dapat menandingi karya-karya tradisional. Sekurang-kurangnya karya beliau telah menambah khazanah penulisan kitab Jawi oleh ulama di Kedah yang nampak benar semakin dilupakan. Amat wajar jika terdapat pihak-pihak tertentu termasuk di institusi-Institusi pengajian tinggi Islam menubuhkan sebuah sekretariat bagi mengkaji dan memberi nafas baru kepada karya-karya tradisional jawi termasuk karya-karya Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin ini. Ini perlu agar khazanah Melayu yang amat bernilai ini akan terus dapat dibaca dan dihayati oleh generasi kini dan juga generasi akan datang.

Rujukan

- Abu Bakar Haji Hanafiah, (t.t). *Nūr al-Ṣafā fī Akhbār al-Muṣṭafā*. Pulau Pinang: The United Press, Aceh Street.
- _____, (t.t). *Tadhkirat al-Qāḍiyyah*, Pulau Pinang: The United Press, Aceh Street.
- _____, *Al-Dā'iy li al-Salām fī 'Aqā'id Ahl al-Islām*, Pulau Pinang: The United Press, Aceh Street.
- _____, (t.t). *Kitāb al-Tawḥīd*, Pulau Pinang: The United Press, Aceh Street.
- _____, (t.t). *Tawdīh al-Afhām bi Syarḥ 'Aqīdah al-'Awām*, Pulau Pinang: The United Press, Aceh Street.
- _____, (t.t). *T'ānat al-Muṣalliy*, Pulau Pinang: The United Press, Aceh Street.
- _____, (t.t). *Tadhkirat al-Muṣalliy*, Pulau Pinang: The United Press, Aceh Street.
- _____, (t.t). *Tadhkirat al-Nāshī'in*, Pulau Pinang: The United Press, Aceh Street.
- _____, (t.t). *Lubāb al-Ḥadīth*, Pulau Pinang: Pulau Pinang: The United Press, Aceh Street.
- _____, (t.t). *Miṣbāḥ al-Zalām wa Bahjah al-Anām*, Pulau Pinang: The United Press, Aceh Street.
- _____, (t.t). *Bushrā al-Labīb fī Bayān Sīrat al-Ḥabīb*, Pulau Pinang: The United Press, Aceh Street.
- Ahmad Abdul Gharni Haji Said, (1976/77). "Tuan Hussain Kedah," Latihan Ilmiah: Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- Al-Palembāngī, 'Abd. Ṣamad, (t.t). *Siyār al-Sālikīn*, Juz 111 dan 1V, Bangkok: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa Awladuhu.
- Azyumardi Azra, (1994). *Jaringan Ulama, Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Azyumardi Abad XVII dan XVIII*, Bandung: Penerbit Mizan.
- _____, (1999). *Renaissans Islam Asia Tenggara*, Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Fisol Hussain, (1973/1974) *Haji Hussain Che' Dol (1904-1967): "Satu Aspek Perjuangan Ulamak Dalam Bidang Agama dan Politik Melayu Kedah,"* Kajian Ilmiah Jabatan Sejarah: Universiti Malaya.
- Ibrahim Abu Bakar, (t.t). *Islamic Modernism in Malaya, The Life and Thought of Sayid Syekh al-Hadi 1867-1934*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Pendekatan Karya Ulama Tradisional: Karya-karya Jawi Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin dll.

- Ishak Mohd. Rejab, (1983). "Peranan Ulama dalam Masyarakat di Kedah dengan di beri Penekanan kepada Tuan Husain bin Muhammad Nasir al-Mas'udi dan Haji Wan Sulaiman Wan Sidek", dalam *Negeri Kedah Darulaman*, (Selenggara: Mohd Nor Salleh), Alor Setar: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah.
- Ismail Hj. Salleh, (1996). "Islam di Kedah", dalam *Dokumentasi: Konvensyen Sejarah Kedah*, (Selenggara: Mohd. Nor Salleh), Alor Setar: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah.
- Mohd Radzi Hj. Othman dan Orang Kaya Rahmat Dato' Baharuddin, (1991). *Gerakan Pembaharuan Islam di Negeri Perlis: Kaitannya dengan Gerakan Pembaharuan Islam di Negeri-Negeri Lain di Malaysia*, Universiti Sains Malaysia.
- Mustafa Mohd Isa, (1990). "Alim Ulama di Negeri Kedah: Peranan Dua Orang Tokoh Dalam Perkembangan Persuratan Jawi," Tesis Doktor Falsafah: Universiti Sains Malaysia.
- Rahman, Fazlur (1979). *Islam*, Chicago: University of Chicago Press.
- Roff, William (1985). "Kaum Muda-Kaum Tua: Innovation and Reaction amongst the Malays, 1900-1941" dalam Ahmad Ibrahim, Sharon Siddique dan Yasmin Hussain (ed), *Readings on Islam in Southeast Asia*, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Shafie Abu Bakar, (1990). "Hikam Melayu: Kajian Falsafah dan Etika," Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shariff, M. M, (1994). *Sejarah Islam dari Segi Falsafah*, (terj.) jilid. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah, (1990). *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: 'Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Hizbi.
- _____ (1996). *Koleksi Kertas Kerja Ilmiah Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Wan Shamsudin Mohd Yusof, (1990). "Hukum Kanun Kedah: Satu Penelitian Mengenai Hukum Kanun Dato' Kota Setar" dalam *Alor Setar 250 Tahun 1735-1985*, Alor Setar: Kerajaan Kedah Darulaman.
- Yegar, Moshe. (1979). *Islam and Islamic Institutions in British Malaya: Policies and Implementation*, Jerusalem: The Magnes Press, The Habrew University.
- Willer, Thomas F. (1973/74). "Malayan Islamic Response to Administrative Development in Colonial States, 1874-1941" *Jurnal Sejarah*, vol. 12, Universiti Malaya.

Wawancara

Ustaz Samad Lebai Ismail, anak murid beliau pada 8 November, 1999 di Pekan Ayer Hitam.

Adnan Ghazali, anak murid beliau pada 8 Mei 2000 di Pondok Ayer Hitam

Tuan Guru Haji Zakaria Samman, di pondok Alor Janggus, Alor Setar.